

**IKLAN JAWATAN KOSONG**

Warganegara Malaysia yang terdiri daripada **anak kelahiran Negeri Sembilan Darul Khusus** yang berkelayakan dan berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan adalah dipelawa untuk memohon mengisi kekosongan jawatan seperti di bawah di Majlis Perbandaran Nilai, Negeri Sembilan Darul Khusus.

1. a) Jawatan : Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran U29
- b) Kementerian/Jabatan : Majlis Perbandaran Nilai
- c) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana/Pengurusan dan Profesional
(Skim Perkhidmatan Bersepadu)
- d) Bilangan Kekosongan : 1 Kekosongan
- e) Taraf Jawatan : Kontrak

2. Jadual Gaji :

Gred Gaji	Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
U29	RM1,797.00	RM5,753.00	RM145.00

3. Elaun-Elaun :

ITKA (Imbuhan Tetap Kakitangan Awam)	ITP (Imbuhan Tetap Perumahan)	BSH (Bantuan Sara Hidup)
RM160.00	RM300.00	RM250.00

4. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- a) Diploma dalam bidang Kesihatan Persekitaran yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

[Gaji Permulaan : RM1,797.00]; dan

: 2 :

- b) Hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan
- c) Keutamaan diberikan kepada calon yang mempunyai penglibatan sukan di peringkat Sekolah, IPTA/IPTS, Jabatan, Daerah, Negeri atau Kebangsaan.

.../3=

(PENGUMUMAN PENTING)

Cara-cara Memohon.

1. Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Jawatan (M.P.N.) 1/01 yang boleh didapati di Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Nilai berharga RM1.00.
2. Borang yang **telah lengkap** diisi hendaklah **dikemukakan** bersama-sama dengan:-
 - i) Salinan MyKad dan Salinan Sijil Lahir
 - ii) Salinan Sijil Berhenti Sekolah
 - iii) Gambar berukuran pasport (dilekatkan di muka hadapan borang);
 - iv) Salinan sijil-sijil keputusan bagi kelayakan yang disyaratkan
3. Permohonan yang berikut akan **ditolak** :-
 - i) tidak disertakan dengan dokumen yang diperlukan;
 - ii) **tidak disertakan salinan pengiktirafan kelayakan IPTA / IPTS untuk perkhidmatan Awam (<https://app.mohe.gov.my/iktiraf/semakan.php>)**
 - iii) tidak lengkap atau tidak terang;
 - iv) tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan;
 - v) tidak menulis nombor MyKad;
 - vi) **tidak dikemukakan melalui Ketua Jabatan bagi pegawai sedang berkhidmat;**
 - vii) tidak ditandatangani; dan
 - viii) permohonan yang diterima selepas tarikh tutup.
4. Tarikh Permohonan Dibuka : **11 SEPTEMBER 2019 (RABU)**
5. Tarikh Permohonan Ditutup : **24 SEPTEMBER 2019 (SELASA)**
6. Alamat Jabatan : Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Nilai
NO.1, Kompleks Pentadbiran Kerajaan
Persiaran Pusat Bandar, Putra Nilai
Peti Surat No. 52, 71800 Nilai
Negeri Sembilan Darul Khusus.
Tel : 06-7989112
7. **Catatan Am (PENTING - SILA AMBIL PERHATIAN) :-**
 - a) Hanya calon yang layak selepas tapisan/senarai pendek sahaja akan dipanggil untuk ujian fizikal dan/atau temu duga. **Calon-calon perlu sentiasa menyemak dari semasa ke semasa panggilan Ujian Fizikal dan panggilan Temu Duga** di laman web MPN www.mpn.gov.my.
 - b) Sebarang tuntutan perbelanjaan kerana menghadiri ujian fizikal dan temu duga kelak tidak akan ditanggung oleh MPN;
 - c) Permohonan yang tidak menerima apa-apa jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya. Tiada makluman bersurat akan dikeluarkan oleh Majlis Perbandaran Nilai.
 - d) Semua **SALINAN SIJIL TIDAK PERLU DISAHKAN** oleh pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional/Ketua Kampung/Penghulu/Pesuruhjaya Sumpah/Ahli Parlimen/Ahli Dewan Undangan Negeri.